



PEJABAT SETIAUSAHA DEWAN RAKYAT
PARLIMEN MALAYSIA
BANGUNAN PARLIMEN
JALAN PARLIMEN
50680 KUALA LUMPUR

Telefon : 603-2072 3161 / 2601 7391
Faks : 603-2070 4676 (SUDR)
Email : roosme@parlimen.gov.my
info@parlimen.gov.my
Laman Web : http://www.parlimen.gov.my

DENGAN TANGAN

4 Jun, 2014

Yang Berhormat
Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan]
Dewan Rakyat.

Yang Berhormat,

Pertanyaan Jawab Lisan Yang Ditolak

Dengan hormatnya saya adalah diarah oleh YB. Tuan Yang di-Pertua untuk memaklumkan iaitu pertanyaan Jawab Lisan Yang Berhormat yang tersebut di bawah ini ditolak dengan sebab yang dinyatakan di sebelahnya di ruang kedua:-

Pertanyaan yang ditolak

PR-1322-L62305

Tuan Mohd Rafizi bin Ramli [Pandan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada pejabat beliau mengeluarkan satu surat bernombor rujukan PPM (S) 100-6/12 bertarikh 21 November 2013 daripada Ketua Setiausaha Sulit Perdana Menteri (Tan Sri Abdul Aziz Kassim) kepada YB Datuk Dr Ewon Ebin (Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi) bertajuk "Permohonan Geran Untuk Pembangunan "Gassifier Steam Boiler Plant" Untuk Menjadikan Malaysia Sebagai "Premier Renewable Energy Based On Sustainable Woodchip Biomass". Sila sahkan sama ada Perdana Menteri meminitkan di atas surat dari NSE Resources Corporation (M) Sdn Bhd yang dilampirkan dengan surat pejabat beliau kepada Menteri MOSTI itu dengan satu komen yang berbunyi "Untuk pertimbangan. Saya tiada halangan jika projek ini sesuai".

Sekian, terima kasih.

'BERKHIDMAT UNTUK NEGARA'

Saya yang menurut perintah,

[DATUK ROOSME BINTI HAMZAH]
Setiausaha Dewan Rakyat
Parlimen Malaysia

Ruj. Tuan : (4) dlm. PAR. 3/16
Ruj. Kami :

Sebab ditolak

PM. 23(1)(h).

Sesuatu pertanyaan itu tidak boleh dikeluarkan dengan tujuan hendak mendapat **buah fikiran** atau hendak mendapat penyelesaian berkenaan dengan perkara undang-undang yang belum menjadi masalah atau kerana hendak mendapat jawab dalam perkara yang dimisal-misalkan sahaja.